

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN MOHD SHAHAR ABDULLAH
(PAYA BESAR)**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 22

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perkembangan terkini proses meratifikasi *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) serta apakah jaminan Kerajaan terhadap keseimbangan dan kesejahteraan ekonomi rakyat hasil meratifikasi perjanjian ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Perjanjian CPTPP telah ditandatangani oleh 11 negara anggota termasuk Malaysia, pada 8 Mac 2018, dan perjanjian ini telah mula berkuatkuasa, *entered into force* (dengan izin) pada 30 Disember 2018 bagi 6 negara, iaitu Australia, Kanada, Jepun, Mexico, New Zealand dan Singapura. Manakala bagi Viet Nam pula, mulai 14 Januari 2019.

2. Bagi Malaysia dan 3 negara lain yang belum meratifikasikan CPTPP, perjanjian ini hanya akan berkuatkuasa 60 hari setelah negara-negara ini melengkapkan proses domestik dan mengemukakan instrumen ratifikasi kepada New Zealand (yang bertanggungjawab sebagai *depository*).

Tuan Yang Dipertua,

3. Kerajaan masih belum memutuskan sama ada Malaysia akan meratifikasi perjanjian CPTPP atau tidak. CPTPP adalah suatu perjanjian yang kompleks dan komprehensif di mana komitmen yang dipersetujui di bawah CPTPP mempuyai impak yang besar kepada sebahagian undang-undang, dasar, peraturan dan amalan semasa Kerajaan, termasuk yang melibatkan bidang kuasa Kerajaan-kerajaan negeri. Justeru, Kerajaan memerlukan lebih masa untuk menilai perjanjian ini.

4. Sebagai sebuah negara perdagangan, Kerajaan menyedari bahawa penyertaan Malaysia dalam perjanjian-perjanjian perdagangan antarabangsa adalah amat penting untuk mendapatkan akses pasaran yang lebih baik bagi produk-produk tempatan serta menjadikan Malaysia sebuah destinasi pelaburan pilihan kepada rakan-rakan dagang.

5. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan agar setiap FTA yang disertai oleh Malaysia adalah bebas dan adil, serta selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar pembangunan negara demi memastikan manfaat ekonomi negara dapat diagihkan kepada golongan sasaran dalam mencapai dan menjamin kesejahteraan sosio ekonomi negara.